

Headline	Jangan percaya maklumat palsu burukkan TH		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	12	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>
Journalist	FIRDAUS HASSAN	AdValue	RM 7,138
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,414



# Jangan percaya maklumat palsu burukkan TH

Oleh FIRDAUS HASSAN

**PASIR MAS** – Orang ramai diingatkan supaya tidak menyebarkan maklumat palsu serta khabar angin sehingga boleh menggugat kepercayaan rakyat di negara ini terhadap Lembaga Tabung Haji (TH).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pelbagai khabar angin dilemparkan terhadap institusi tersebut termasuk kononnya TH akan bankrap sehingga tidak mampu membayar bonus atau dividen kepada pendeposit.

“Khabar angin itu adalah tidak benar sama sekali. Namun, khabar angin tersebut langsung tidak menjejaskan operasi TH apabila masyarakat terus yakin dan jumlah pendeposit dilihat semakin meningkat dari semasa ke semasa.

“Sehingga kini, keyakinan pencarum terhadap TH semakin pulih apabila mencatat jumlah penyimpanan yang terus bertambah dengan jumlah simpanan lebih besar,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pembangunan Islam di Malaysia di Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) di Lubok

Jong di sini semalam.

Turut hadir Felo Utama Pusat Kajian Syariah Undang-Undang dan Politik Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Prof. Shamrahayu Ab. Aziz dan Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Datuk Abdullah Mat Yassin.

Jamil Khir berkata, statistik pendeposit juga menunjukkan peningkatan setiap bulan berbanding sebelum ini, bagaimanapun ada yang tampil mengeluarkan

wang mereka gara-gara percaya dengan maklumat palsu.

“Sebab itu, saya kecewa terhadap mereka yang percaya hasutan fitnah pihak tertentu sehingga sanggup mengeluarkan wang masing-masing walaupun giliran untuk menunaikan ibadat haji sudah hampir.

“TH diamanahkan untuk mengendalikannya simpanan berkonsep wadiah iaitu menjalankan urusan pelaburan serta perniagaan oleh pendeposit dan wang berkenaan tidak boleh sewenang-wenangnya dibelanjakan,” katanya.



JAMIL KHIR (kiri) bersalaman dan beramah mesra dengan peserta Seminar Pembangunan Islam Malaysia di Dewan KKTM, Lubok Jong di Rantau Panjang semalam.